

**"KEDAH SEJAHTERA"**

BEND20120906-KB2369

06 September 2012

**PEKELILING BENDAHARI BIL 10/2012**

Semua Penolong Naib Canselor/Ketua Jabatan/Pengarah  
Universiti Utara Malaysia

YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan

**BAYARAN KEPADA PENSYARAH YANG MENGAJAR KURSUS BAGI  
PROGRAM KERJASAMA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Univesiti (JPU) telah menetapkan bahawa semua rakan kongsi yang menjalankan program kerjasama dengan UUM perlu membuat segala bayaran termasuk royalti, honorarium serta tuntutan perjalanan dan penginapan pensyarah (jika ada) kepada UUM. Sebelum ini terdapat rakan kongsi yang membuat bayaran terus kepada pensyarah yang terlibat dengan pengajaran program kerjasama ini.

Sehubungan dengan itu, pensyarah yang terlibat mengajar mana-mana program kerjasama perlu membuat tuntutan perjalanan tugas rasmi mengikut kelayakan masing-masing dengan melengkapkan borang tuntutan perjalanan. Walau bagaimanapun bayaran honorarium kepada pensyarah hanya akan dibayar jika memenuhi syarat sebagai kursus yang keempat (4) serta mengikut kadar yang telah ditetapkan, sepertimana keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Ke-61, Bil.4/2009 pada 23 Jun 2009.

Peraturan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

**"ILMU BUDI BAKTI"**

Saya yang menurut perintah

  
**HJ AMRON MAN**  
Bendahari  
Universiti Utara Malaysia

- s.k. - Naib Canselor  
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor  
- Edaran